

11 OCT 2002

Syed Hamid-Iraq

MALAYSIA BIMBANG KESAN BURUK KEPUTUSAN AMERIKA SERANG IRAQ

Oleh: Salbiah Said

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 Okt (Bernama) -- Malaysia hari ini menyuarakan kebimbangan dengan keputusan Amerika Syarikat untuk menyerang Iraq berdasarkan mandat yang diberikan oleh Kongres Amerika, tanpa melalui proses yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

"Bagi kita, perkembangan ini akan menimbulkan banyak kegelisahan di peringkat antarabangsa serta ketidaktentuan dan sudah tentu tidak membantu proses perkembangan ekonomi dunia dan tidak dapat mengelakkan kemelesetan akibat peperangan ini," katanya mengulas laporan-laporan agensi berita asing hari ini.

Syed Hamid berkata apa yang membimbangkan Malaysia, ialah kuasa yang diberikan oleh Kongres AS ini tidak melalui sistem "multilateral".

"Kita berpendapat cara terbaik ialah melalui (Pertubuhan) Bangsa-Bangsa Bersatu," katanya kepada para wartawan Malaysia di Lapangan Terbang Antarabangsa di sini sempena lawatan dua hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Brunei mulai hari ini.

Yang penting, katanya, Iraq telah bersetuju membenarkan pemeriksa PBB untuk membuat pemeriksaan di Iraq, dan pemeriksa-pemeriksa itu diberi kuasa untuk menjalankan tugas tanpa apa-apa sekatan.

Di samping itu, katanya: "Kita juga perlu berpuashati sama ada Iraq menjadi ancaman atau senjata-senjata yang dimiliki negara itu boleh memusnahkan dunia atau serantauan... barulah keputusan dibuat."

Walaupun mandat yang diberikan adalah kuasa dalaman (Kongres Amerika), ia tidak boleh menjadi pendorong untuk membangkitkan peperangan, dan "bila peperangan akan berakhir, adalah sesuatu yang membimbangkan."

"Yang menjadi mangsa, mestilah orang awam dan ini semestinya tidak akan menguntungkan mana-mana pihak," tegasnya.

Syed Hamid berkata perkembangan terbaru itu bermakna yang Presiden George W. Bush diberi kuasa untuk mengambil tindakan berdasarkan mandat yang diberikan oleh Kongres Amerika, iaitu melalui proses dalaman dan bukannya melalui PBB dan tanpa mengambilkira pandangan serta keputusan masyarakat antarabangsa.

Mengenai lawatan Dr Mahathir ke Brunei, beliau berkata kedua-dua pemimpin akan membincangkan isu-isu semasa dan terkini di peringkat dua hala, rantau dan antarabangsa serta mempertingkatkan kerjasama yang telah terjalin sehingga ini.

Perjumpaan itu dijangka membincangkan perkembangan dalam konteks Asean+3 dan politik semasa, katanya.

-- BERNAMA

SS HS MOZ